

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DATUK WEE JECK SENG
(TANJONG PIAI)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 21.11.2016

Y.B. DATUK WEE JECK SENG [TANJONG PIAI] minta MENTERI KEWANGAN menyatakan:-

- (a) mengapakah tuntutan bayaran balik GST terlalu lama untuk diproses dan melebihi dari tempoh yang ditetapkan oleh Kerajaan.; dan
- (b) apakah tindakan yang diambil oleh pihak Kementerian bagi menangani permasalahan tersebut

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Izinkan saya menjawab pertanyaan dari YB Tanjong Piai bersekali dengan YB Jelutong pada 24 November 2016 memandangkan

pertanyaan yang dikemukakan oleh kedua-dua YB adalah mengenai isu yang sama.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan akan membuat bayaran balik tuntutan kredit cukai input dalam masa 14 hari bekerja bagi penyerahan borang tuntutan secara *online* dan 28 hari bekerja bagi penyerahan borang tuntutan secara manual. Tempoh ini adalah terpakai sekiranya tuntutan dibuat dengan teratur yang mana proses verifikasi tambahan seperti pengemukaan semua resit asal daripada pembekal barang dan perkhidmatan adalah tidak diperlukan. Bagi tempoh 1 April 2015 hingga 31 Disember 2015, rekod Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) menunjukkan tuntutan bayaran balik secara *online*, secara puratanya 42.34% telah diproses dalam tempoh yang ditetapkan. Manakala bagi tempoh 1 Januari 2016 hingga 31 Julai 2016, permohonan yang telah diproses dalam tempoh 14 hari bekerja adalah pada purata 71.96% iaitu peningkatan kecekapan melebihi 70.0%.

Antara punca kelewatan pulang balik cukai input adalah:

- i. syarikat menghantar borang dalam tempoh bercukai yang salah;
- ii. borang GST-03 salah diisi atau tidak lengkap;
- iii. maklumat bank tidak lengkap;

- iv. maklumbalas yang lambat oleh pihak syarikat apabila diminta oleh pihak JKDM bagi tujuan verifikasi; dan
- v. tuntutan yang diragui kesahihannya dan memerlukan maklumat yang lengkap.

JKDM juga telah mengambil langkah-langkah berikut untuk memastikan pembayaran balik cukai input dibuat dalam tempoh yang ditetapkan:

- i. Program *handholding* kepada industri terutamanya berkaitan bagaimana mengisi borang GST-03 dengan mudah supaya pihak syarikat tidak melakukan kesilapan;
- ii. Meningkatkan keupayaan dan kompetensi pegawai-pegawai JKDM yang terlibat dalam proses pulang balik cukai input; dan
- iii. Memantapkan profil pembayar cukai serta keupayaan *risk management engine* dalam sistem My GST.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

**DARIPADA : PUAN ALICE LAU KIONG YIENG
[LANANG]**

TARIKH : 21 NOVEMBER 2016 (ISNIN)

SOALAN : 46

Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan jumlah peruntukan yang diberi kepada JPJ Sibu dan sama ada ia mencukupi memandangkan tiada penghawa dingin (air-cond) di JPJ Sibu selama setahun dan belum diperbaiki lagi.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada 19 Ogos 2016, peruntukan sebanyak RM32,000 telah disalurkan kepada JPJ Cawangan Sibu melalui JPJ Sarawak bagi tujuan pembaikan sistem penghawa dingin. Pelaksanaan bagi kerja-kerja pembaikan akan dilaksanakan sebaik sahaja proses sebut harga selesai.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI KHALID BIN ABDUL SAMAD
[SHAH ALAM]**

TARIKH : 21 NOVEMBER 2016 (ISNIN)

SOALAN : 47

Tuan Haji Khalid bin Abdul Samad [Shah Alam] minta MENTERI PENGANGKUTAN menyatakan status mutakhir kes siasatan ke atas hilangnya pesawat MH370 dan jumlah kewangan yang telah dipakai sehingga kini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, pasukan penyiasat Malaysian International Civil Aviation Organisation (ICAO) Annex 13 Safety Investigation Team For MH370 telah mengeluarkan Interim Statement pada ulang tahun pertama dan kedua kehilangan pesawat masing-masing pada Mac 2015 dan 8 Mac 2016 berhubung dapatkan awal siasatan. Pada masa yang sama, operasi pencarian pesawat MH370 masih diteruskan bagi melengkapkan pencarian di dalam kawasan seluas 120,000 km persegi.

Anggaran kos keseluruhan bagi mengendalikan kes siasatan ke atas kehilangan pesawat MH370 masih belum dapat ditentukan pada masa ini memandangkan operasi pencarian masih lagi dilaksanakan.

SOALAN (48)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**TARIKH : 21 NOVEMBER 2016
[ISNIN]**

**DARIPADA : Y.B. DATO' SERI TIONG KING SING
[BINTULU]**

SOALAN :-

Y.B. Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu] minta MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan :-

- (a) apakah perancangan Kementerian untuk menambah lagi Projek Perumahan Rakyat (PPR) di Bintulu, Sarawak setelah sekian lama pembinaan PPR Fasa 1 yang sebanyak 1000 unit PPR disiapkan beberapa tahun yang lalu ; dan
- (b) untuk mengatasi masalah setinggan di negeri Sarawak terutamanya di Bahagian Bintulu memandangkan kekurangan rumah kediaman kos rendah dan PPR

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah mengemukakan cadangan permohonan untuk melaksanakan Projek Perumahan Rakyat (PPR) di kawasan Bintulu di bawah RMKe-11 tahun 2017.

Ia melibatkan cadangan pembinaan 400 unit rumah mampu milik bagi mengatasi masalah kekurangan rumah kediaman kos rendah di Bahagian Bintulu. Cadangan pembinaan perumahan PPR ini adalah salah satu pendekatan Kerajaan untuk mengatasi masalah setinggan di negeri Sarawak terutama di Bahagian Bintulu, Sarawak.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

November 2016

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN MANIVANAN A/L GOWINDASAMY

TARIKH : 21.11.2016

SOALAN : NO. 49

Tuan Manivanan a/l Gowindasamy [Kapar] minta MENTERI PENDIDIKAN TINGGI menyatakan :-

- (a) bagaimana boleh berlakunya Universiti Sains Malaysia (USM) mengatur tarikh konvokesyen yang tamat pada sehari sebelum Hari Deepavali (tetapi dipinda kemudian atas bantahan siswa kaum India). Mengapa sensitiviti perkauman tidak diberi perhatian khusus terutamanya apabila melibatkan kaum India; dan
- (b) bagaimana terdapat 70% guru yang mempunyai Ijazah Sarjana Muda Pendidikan tidak mempunyai sekurang-kurangnya tiga ‘cemerlang’ dalam SPM, yang diperlukan untuk program ijazah sarjana muda ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penetapan tarikh konvokesyen di Universiti Sains Malaysia (USM) adalah berdasarkan anggaran bilangan graduan, jadual konvokesyen universiti lain dan kelapangan waktu bagi mereka yang terlibat dalam majlis ini. Namun, perubahan tarikh akan dibuat mengikut keperluan khusus, jumlah graduan yang akan menerima ijazah dan mengikut sidang konvokesyen.

Pihak USM turut mengambil kira akan kepentingan sambutan perayaan yang melibatkan pelbagai kaum di negara ini dan urusan lain berdasarkan kalender cuti rasmi yang ada.

- (b) Semua permohonan ke program pengajian Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Sekolah Menengah di Universiti Awam (UA) mestilah memenuhi Syarat Am yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi dan Syarat Khas yang

ditetapkan oleh Senat UA masing-masing. Hanya calon yang menepati syarat sahaja dipertimbangkan bagi permohonan ke program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan kerana pemohon perlu melepassi beberapa peringkat saringan, antaranya syarat am dan khas program, Ujian Inventori Pemilihan Pendidik Malaysia (MEdSi) dan temuduga yang dijalankan.

Namun begitu, pengambilan masih bergantung kepada jumlah tempat yang diunjurkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia.